


Pemindahan ilmu Buek Lundayeh PPIB UMS bantu perkasa bahasa

UB 5.09.2021 P. 04

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) akan terus mendukung program berbentuk pemindahan ilmu untuk melestarikan budaya dan tradisi masyarakat berbilang etnik di Sabah.

Dekan PPIB Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng berkata, pemindahan ilmu dan libat sama dalam setiap penyelidikan penting dilakukan untuk memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

"Kita akan terus mendukung aspirasi libat sama berbentuk pemindahan ilmu sebagai salah satu tanggungjawab sosial kepada masyarakat," katanya, berkata demikian



LAI YEW MENG

ketika merasmikan penutupan Bengkel Buek Lundayeh secara maya di sini.

Program libat sama itu adalah aktiviti pemindahan ilmu yang julung kali dilaksanakan dalam kalangan penyelidik PPIB, UMS ber-

sama masyarakat Kampung Long Pasia dan Kampung Long Mio Sipitang.

Bengkel dua hari itu berjaya menarik penyertaan 40 peserta di mana salah satu pengisian menarik ialah kuiz yang dikendalikan sepenuhnya

dalam bahasa Lundayeh.

Pengerusi Penganjur Dr. Kavitha Ganesan berkata, bengkel itu diadakan sebagai sebahagian aktiviti penyelidikan di bawah geran Kementerian Pengajian Tinggi (FRGS0497/2018) yang turut melibatkan geran-geran penyelidikan UMS.

Menurutnya, melalui geran itu, penyelidikan berkaitan sastera lisan dijalankan lalu diterapkan dalam bengkel menerusi kaedah perkongsian pandangan tentang cerita le-

genda, pantun, tarian dan muzik tradisional.

Perkataan 'buek' dari bahasa Lundayeh bererti sastera lisan dan frasa 'Buek Lundayeh' bermaksud Sastera Lisan Etnik Lundayeh.

Dalam bengkel interaktif itu, peserta yang melibatkan generasi muda, diuji kefahaman tentang budaya dan tradisi etnik Lundayeh melalui pelbagai aspek yang merangkumi bahasa, sastera lisan, tarian dan muzik.

Beberapa siri ceramah yang

disampaikan oleh para penyelidik UMS berjaya merangsang reaksi kalangan peserta yang sekaligus menunjukkan kesedaran mereka tentang warisan tradisi masyarakat Lundayeh.

Melvin Durius, seorang guru yang turut mengikuti bengkel itu menyifatkan program berkenaan membuka ruang kepada kalangan generasi muda etnik Lundayeh untuk mempelajari tradisi leluhur mereka yang kian pudar.


Siri pertama peminda-

han dan perkongsian ilmu menerusi Bengkel Buek Lundayeh 2021 itu dilaksanakan dengan jayanya bersama sekumpulan Penyelidik dari PPIB UMS 26-27 Ogos lalu.

Bengkel berunsur pemindahan ilmu berdasarkan upaya menanam kesedaran tentang tradisi Lundayeh itu dijalankan melalui sokongan dari pihak pentadbiran PPIB, UMS dengan kerjasama penuh penduduk dari dua kampung berkenaan.



BENKEL: Segmen kesenian Lundayeh antara perkongsian yang disediakan penganjur.



PESERTA: Sebahagian peserta bengkel yang dijalankan secara maya.